

# Tiada siapa boleh pengaruhi saya - PM

KUALA LUMPUR 4 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan tiada seorang pun ahli perniagaan yang dapat mempengaruhi atau kerajaan dalam membuat keputusan meluluskan sesuatu projek.

Perdana Menteri berkata, terdapat ramai peniaga yang mendakwa boleh mempengaruhi beliau dan keputusan-keputusan kerajaan dengan menggunakan namanya.

"Mereka minta komisen dan ada kata komisen untuk saya," tegasnya.

"Saya ingin menjelaskan bahawa tiada siapa pun telah diberi kuasa untuk menggunakan nama saya dan tiada siapapun telah diberi hak keistimewaan untuk bercakap bagi pihak saya," katanya pada sidang akhbar selepas mempe-  
ngkerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir mendedahkan, golongan ini mendakwa telah mendapat restu atau telah berjumpa dengannya dan ada pengaruh terhadapnya serta kerajaan dalam meluluskan sesuatu projek.

"Mereka dakwa begitu berpengaruh ke atas saya hingga-

kan kalau (mereka) telefon, saya tinggalkan semua kerja dan dengar telefon," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mempunyai kepentingan dalam apa jua bidang perniagaan.

Menurutnya, walaupun beliau menemui ramai ahli per-

**LIHAT MUKA 6**

# TIADA SIAPA BOLEH PENGARUHI SAYA — PM

niagaan dan pengurusan negara ini, itu hanyalah bertujuan untuk menjayakan rancangan penswastaaan negara ini.

Katanya, dalam rancangan penswastaaan kadangkala terdapat halangan daripada segi peraturan dan pentadbiran, dengan sebab itu beliau perlu campurtangan.

"Memang benar saya campur tangan tetapi untuk menjayakan rancangan ini kerana penswastaaan penting untuk pembangunan negara," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, setakat ini, terdapat satu kes menggunakan tandatangan beliau dan tindakan telah diambil.

Bagaimanapun, beliau percaya banyak kes menggunakan nama dan tandatangannya berlaku pada masa ini.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir menegaskan, kesediaan beliau menemui ahli-ahli perniagaan bukannya bermakna mereka mempunyai pengaruh terhadap dirinya.

Di samping itu katanya, ramai yang datang berjumpa dengannya untuk membincangkan sesuatu masalah tetapi itu juga tidak bermakna "Saya jadi tukang lulus."

Beliau berkata, ada pihak-pihak tertentu yang menulis surat kepada syarikat-syarikat asing yang mendakwa boleh menentukan kelulusan sesuatu permohonan kerana mereka

mempunyai pengaruh dalam keputusan kerajaan dan Perdana Menteri.

"Pihak itu memberitahu kepada syarikat asing sekiranya mereka hendakkan sesuatu mereka boleh berbincang dengan mereka tetapi dikenakan bayaran komisen," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, mana-mana pihak tidak seharusnya percaya bahawa ada pihak yang boleh menentukan kelulusan sesuatu projek kerana semua urusan kelulusan projek akan dibuat mengikut saluran yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan seumpama itu boleh menghubungi terus Setiausaha Sulit Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkan tindakan diambil.

Beliau berkata, pelabur asing juga dipercayai terpedaya dengan pihak tersebut kerana di sesetengah negara amalan seperti itu memang wujud.

Katanya, sekiranya ada rujukan mengenai sesuatu projek ia datang daripada para pegawai dan bukannya daripada orang-orang tertentu.

Sambil berseloroh beliau berkata, "Apa yang saya ada sudah mencukupi tambahan pula kerajaan telah menaikkan gaji saya" sebagai merujuk kepada tuduhan bahawa beliau mempunyai kepentingan dalam bidang perniagaan.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, tindakan sukar diambil ke atas pihak yang menggunakan nama beliau semasa berurusan kerana bukti mengenainya sukar untuk diperolehi dan pihak yang terlibat boleh menafikannya.

Mengenai hubungannya dengan ahli perniagaan, beliau menyatakan, "Saya mengakui saya ada ramai kawan dalam bidang perniagaan."

Ditanya mengenai ura-ura rombakan kabinet akan dibuat, Perdana Menteri berkata, biarlah pihak yang membuat khabar-khabar angin itu membuat spekulasi mereka.

Katanya, jika beliau menafikan perkara itu, pihak-pihak berkenaan tetap akan membuat spekulasi tersebut.